

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (24)

31 Mac 2020
6 Syaaban 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 20/2020

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2019 BERKENAAN PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS YANG LAYAK BAGI ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 106 bertarikh 17 Mac 2020 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 bertajuk Pemberian *Ex-Gratia* Kematian Sekaligus Kepada Waris yang Layak Bagi Anggota yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan.

2. Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada.

3. **Syarat-syarat Kelayakan Pemberian *Ex-Gratia* :**

- 3.1 Anggota lantikan tetap atau sementara yang meninggal dunia dalam perkhidmatan; dan
- 3.2 tarikh kematian anggota **pada atau selepas 1 Januari 2020.**
- 3.3 Walau bagaimanapun, *ex-gratia* kematian ini tidak diberikan kepada kes-kes kematian yang disahkan akibat daripada membunuh diri.
- 3.4 Pemberian ini tertakluk kepada apa-apa potongan ke atas hutang anggota yang meninggal dunia kepada Kerajaan. Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab meluluskan dan membayar *ex-gratia* kematian ini. Bagi anggota yang berpencen, pemberian *ex-gratia* kematian ini akan diuruskan bersekali dengan permohonan Faedah Terbitan yang dikemukakan oleh Jabatan akhir anggota.

3.5 Bagi kes kematian dalam perkhidmatan, anggota yang memilih Skim KWSP atau anggota yang masih belum disahkan dalam perkhidmatan, jabatan perlu menguruskan permohonan *ex-gratia* kematian tersebut dengan mengemukakan Borang Permohonan *Ex-Gratia* Kematian Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan (Borang JPA.BP.SPT.B01f) dan Sijil Akuan Berhutang (Borang JPA.BP.2) setelah diisi dengan lengkap oleh waris yang memohon. Penghantaran permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan salinan dokumen sokongan yang disenaraikan pada borang yang sama ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pemberian *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dimuat turun melalui Sistem UTMHR <https://hrfin.utm.my/smu> atau merujuk kepada Seksyen Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (24)

31 March 2020
6 Syaaban 1441

ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 20/2020

APPLICATION OF THE SERVICE CIRCULAR NO. 11 OF 2019 LUMP SUM EX-GRATIA PAYMENT TO ELIGIBLE BENEFICIARY FOR IN-SERVICE DEATH

We are pleased to inform that The University Board of Directors Meeting No. 106 dated 17 March 2020 approved the adoption of the Service Circular No. 11 of 2019 on the Lump Sum Ex-Gratia Payment to Eligible Beneficiary for In-Service Death.

2. The government has agreed to provide lump sum death ex-gratia to the beneficiary of the deceased while in service, in addition to the existing benefits.

3. **Ex-gratia Eligibility Requirements:**

- 3.1 Permanent or temporary staff who died in service; and
- 3.2 Date of death **on or after January 1, 2020.**
- 3.3 However, the ex-gratia death is **NOT** given to cases of death as a result of suicide
- 3.4 This grant is subject to any deduction on the debt of the deceased to the Government. The Post-Service Division, the Department of Public Services is responsible for approving and paying ex-gratia deaths. For pensionable employee, the granting of ex-gratia death will be made in conjunction with the application of other Published Benefits submitted by the Department of the deceased employee.
- 3.5 For cases of in-service death of member who choose the EPF Scheme, the department must manage the death ex-gratia application by submitting the Ex-Gratia Death Application for In-Service Death (Form JPA.BP.SPT.B01f) and the Acknowledgment of Debt Certificate (Form JPA.BP.2), upon the full completion of these Forms by the beneficiary requesting the death ex-gratia.

...2/-

Submission must be accompanied with copies of the supporting documents listed on the same form to the Public Service Department.

4. This Service Circular is effective from **1 Januari 2020**.

5. In this regard, all University personnel are to be informed of the Lump Sum Ex-Gratia Payment to Eligible Beneficiary for In-Service Death. Information about circulars can be downloaded through the UTMHR System <https://hrfin.utm.my/smu> or refer to the Services & Remuneration Section, Human Resources Division, Registrar Department, Universiti Teknologi Malaysia.

Thank you.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

I, who uphold trust,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
- Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
- Director Research Centre – UTM Pagoh
- Senior Officers / Deans / Directors



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2019

PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS
YANG LAYAK BAGI ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM
PERKHIDMATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini:

“**anggota**” bermaksud pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan berstatus tetap atau sementara;

“**waris**” bermaksud

- (a) balu atau duda iaitu suami atau isteri yang masih hidup kepada seseorang anggota yang meninggal dunia yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman;

dan/atau

- (b) anak bermaksud anak kepada anggota yang meninggal dunia sepertimana ditafsirkan mengikut undang-undang pencen, sama ada anak kandung, anak angkat, anak tiri atau anak tak sah taraf;

dan/atau

- (c) ibu bapa bermaksud ibu kandung kepada anggota yang meninggal dunia atau, jika ibunya telah meninggal dunia, bapa kandungnya.

LATAR BELAKANG

3. Dalam keadaan di mana seseorang anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan, faedah yang diberikan kepada tanggungan adalah turut tertakluk kepada opsyen yang dipilih. Bagi anggota berpencen, faedah-faedah terbitan akan diberikan kepada pihak-pihak yang layak tertakluk kepada peruntukan akta pencen dan pekeliling yang berkuat kuasa. Bagi anggota yang memilih opsyen KWSP, faedah yang akan diterima oleh tanggungan adalah pengeluaran jumlah caruman yang telah dicarum sepanjang perkhidmatan anggota dan majikannya serta beberapa faedah-faedah kewangan lain yang berkecukupan.

4. Berasaskan kepada senario semasa, terdapat waris kepada anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan menerima faedah yang rendah bergantung kepada skim persaraan yang dipilih oleh anggota tersebut.

5. Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada.

PELAKSANAAN

6. Syarat-syarat kelayakan:
 - 6.1 Anggota lantikan tetap atau sementara yang meninggal dunia dalam perkhidmatan; dan
 - 6.2 tarikh kematian anggota pada atau selepas 1 Januari 2020.
7. Jumlah pemberian *ex-gratia* kematian kepada waris yang layak adalah berdasarkan julat tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Jumlah Pemberian *Ex-Gratia* Kematian Kepada Waris Yang Layak

Tempoh Perkhidmatan (Bulan)	Pembayaran Ex-Gratia Kematian (RM)
≤60	150,000
61 - 120	100,000
121 - 180	75,000
181 - 240	50,000
≥241	Tiada

Walau bagaimanapun, *ex-gratia* kematian ini tidak diberikan kepada kes-kes kematian yang disahkan akibat daripada membunuh diri.

8. Pemberian ini tertakluk kepada apa-apa potongan ke atas hutang anggota kepada Kerajaan yang meninggal dunia tersebut. Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (selepas ini disebut “Jabatan ini”) bertanggungjawab meluluskan dan membayar *ex-gratia* kematian ini. Bagi anggota yang berpencen, pemberian *ex-gratia* kematian ini akan diuruskan bersekali dengan permohonan Faedah Terbitan yang dikemukakan oleh Jabatan akhir anggota.

9. Bagi kes kematian dalam perkhidmatan anggota yang memilih Skim KWSP atau anggota yang masih belum disahkan jawatan, jabatan perlu menguruskan permohonan

ex-gratia kematian tersebut dengan mengemukakan borang Permohonan *Ex-Gratia* Kematian Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan (Borang JPA.BP.SPT.B01f) dan Sijil Akuan Berhutang (Borang JPA.BP.2) setelah diisi dengan lengkap oleh waris yang memohon. Penghantaran permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan salinan dokumen sokongan yang disenaraikan pada borang yang sama ke Jabatan ini.

10. Pemberian *ex-gratia* kematian kepada waris-waris yang layak adalah berasaskan kepada prinsip bayaran berikut:

10.1 1/10 kepada ibu/bapa dengan mendahulukan ibu; dan

10.2 9/10 mengikut pembahagian syer seperti berikut:

(a) duda / setiap balu : 2 bahagian

(b) setiap anak : 1 bahagian

Bilamana keadaan tiada waris yang layak di Perenggan 10.1, keseluruhan pemberian *ex-gratia* kematian akan diberikan kepada waris-waris di Perenggan 10.2, dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya tiada waris-waris yang layak di Perenggan 10, tiada pemberian *ex-gratia* kematian akan dibayar.

11. Jika *ex-gratia* kematian diberikan kepada mana-mana waris yang layak mengikut prinsip bayaran yang ditetapkan, dan kemudiannya seorang atau lebih orang-orang yang layak membuat tuntutan untuk pemberian *ex-gratia* kematian tersebut, pemberian *ex-gratia* kematian yang telah dibuat sebelum tarikh tuntutan waris yang baru hendaklah disifatkan menjadi sah dan dibuat oleh Kerajaan dengan sempurna.

12. Dalam hal berlakunya pertikaian (*dispute*) terhadap pemberian *ex-gratia* kematian, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berhak untuk menentukan pihak yang sepatutnya diberi *ex-gratia* kematian dan kadarnya. Penentuan ini adalah muktamad.

KEKECUALIAN

13. *Ex-gratia* kematian ini tidak dipanjangkan kepada anggota yang diasingkan saraan di bawah Seksyen 6B, 6C, 6D, 6E, 6F dan 6G Akta Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239), pekerja badan berkanun yang dilantik selepas pengasingan sistem saraan dan anggota yang dilantik di bawah Jawatan Berasaskan Caruman (JBC).

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

PEMAKAIAN

15. Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK MOHD. KHAIRUL ADIB ABD. RAHMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 Disember 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN
ARAS 5, BLOK C2, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62510 W.P. PUTRAJAYA**

**PERMOHONAN *EX-GRATIA* KEMATIAN BAGI KEMATIAN DALAM PERKHIDMATAN
(ANGGOTA YANG BELUM SAH DALAM JAWATAN ATAU YANG MEMILIH SKIM KWSP)***

A. MAKLUMAT GEMULAH

Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Tarikh Kematian : _____

B. MAKLUMAT PEMOHON (BALU/DUDA/ANAK)

Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Hubungan : _____
 Alamat Surat : _____
 Menyurat : _____

 No. Telefon : _____
 Bangsa : _____
 Warganegara : _____

C. MAKLUMAT ANAK (termasuk anak tiri/angkat di bawah 21 tahun)

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan

C. PENGAKUAN PEMOHON

1. Saya mengaku segala maklumat yang dicatatkan adalah betul dan tepat. Saya juga akan memaklumkan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan segera sekiranya berlaku apa-apa perubahan maklumat yang dikemukakan.
2. Saya membuat permohonan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa maklumat yang dikemukakan adalah benar, menurut Akta Akuan Berkanun 1960,(Akta 13).
3. *Saya pernah tidak pernah bercerai dengan gemulah.
4. Jika pernah bercerai nyatakan tarikh bercerai pada _____.
5. Jika pernah rujuk semula nyatakan tarikh rujuk pada _____.
6. Saya juga turut mengaku bahawa semua maklumat diri dan waris yang dinyatakan adalah benar dan tidak mengetepikan mana-mana waris yang lain di bawah pengetahuan saya. Saya membuat permohonan ini dengan kepercayaan bahawa semua maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar dan saya bersetuju bahawa saya boleh dikenakan tindakan perundangan sekiranya saya didapati tidak jujur dalam membekalkan maklumat ini.

Tandatangan atau cap ibu jari kanan _____
balu/duda
Nama _____
Tarikh _____

*Sila tanda yang mana berkenaan.

D. MAKLUMAT IBU/BAPA (Jika tiada ibu, sila isi maklumat bapa)

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Hubungan : _____
Alamat Surat : _____
Menyurat _____

No. Telefon : _____
Bangsa : _____
Warganegara : _____

E. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dicatatkan adalah betul dan benar seperti dokumen yang dilampirkan.

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____
Cop Rasmi :

Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen sokongan hendaklah dihantar ke:

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Aras 5, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

**Bagi anggota yang berpencen, pemberian ex-gratia kematian ini akan diuruskan bersekali dengan permohonan Faedah Terbitan yang dikemukakan oleh Jabatan akhir anggota.*

SENARAI SEMAK:

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 1. | Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang disahkan | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Kenyataan Cuti | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Sijil Kematian Anggota | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Kad Pengenalan/ MyKid/ Sijil Lahir setiap waris | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Sijil Nikah / Sijil Cerai (jika berkaitan) (Pembuktian Pasangan anggota) | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Sijil lahir anak anggota (Pembuktian anak anggota) | <input type="checkbox"/> |
| 7. | Sijil Lahir Gemulah (Pembuktian Ibu / Bapa Kandung) | <input type="checkbox"/> |
| 8. | Akaun bank perseorangan setiap waris | <input type="checkbox"/> |
| 9. | Borang Pengesahan Anak Belajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Borang JPA.BP.SPT.B03a) (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> |
| 10. | Sijil pengangkatan (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> |
| 11. | Borang Daftar Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara (Borang JPA.BP.UMUM.B04) (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> |
| 12. | Sijil Akuan Berhutang dengan dokumen pembuktian yang lengkap | <input type="checkbox"/> |